



## Pembelajaran berasaskan projek perundingan pelancongan sebagai wadah pemerksaan modal insan pelajar siswazah

Habibah Ahmad<sup>1</sup>, Hamzah Jusoh<sup>1</sup>, Er Ah Choy<sup>1</sup>, Amriah Buang<sup>1</sup>, Jamilah Mohamad<sup>2</sup>, Mushrifah Idris<sup>3</sup>, Sri Winarni Samsir<sup>1</sup>, Ahmad Nazrin Aris Anuar<sup>1</sup>, Nur Atiqah Kamarus Zaman<sup>1</sup>, Nur Amirah Kamarus Zaman<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan Dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, <sup>2</sup>Jabatan Geografi, Fakulti Sastera dan Sosial Sains, Universiti Malaya, <sup>3</sup>Pusat Penyelidikan Tasik Chini, Fakulti Sains dan Teknologi, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi 43600

Correspondence: Habibah Ahmad (email: ha@ukm.edu.my)

### Abstrak

Kertas ini membincangkan pengalaman pembelajaran pelajar siswazah berasaskan projek perundingan Universiti yang dikendalikan oleh konsultan dan perunding muda dalam sebuah projek pelancongan. Seramai 10 pelajar telah melalui proses ini. Daripada proses ini pelajar telah mendapat laluan mengurus projek pelancongan. Beberapa aspek pembelajaran langsung tentang perkongsian ilmu baru dan sebenar dialami oleh para pelajar. Ini melibatkan pengenalpastian permasalahan destinasi, pengalaman menangani konflik dan debat dalam Perbincangan Kumpulan Terfokus, persemukaan dengan pihak *Client* dan bagaimana mempersembahkan cadangan kepada pihak organisasi yang menjadi *Client*. Dalam konteks perundingan dan kolaborasi Universiti-Industri, proses pembelajaran ini memberikan pengalaman pembelaran sebenar sebagai seorang perunding profesional dalam projek konsultansi pelancongan yang akhirnya memperkukuhkan lagi modal insan graduan.

**Katakunci:** kolaborasi, konsultansi, modal insan, pembelajaran berasaskan perundingan, projek pelancongan, perkongsian ilmu

## Tourism consultancy project-based learning as medium in empowering the human capital of graduate students

### Abstract

This paper discusses the learning experiences of the graduate students based on the University consultancy project undertaken by the professional consultants and young consultants in one of the tourism consultation project. A total 10 students have participated in this project. From the learning process, the students were trained in handling and managing projects. Several aspects of learning were delivered and experienced – identification of issues on destination, conflict resolution, face-to face negotiation between the Client-Consultation and the project presentation. In this regard, the contextual consultation and collaboration between the University-Industry, has provided a real learning experiences of a young professional consultant in tourism project, which further enhance the human capital of the graduates.

**Keywords:** collaboration, consultancy, human capital, knowledge sharing, project based learning, tourism project

## Pengenalan

Pengalaman pembelajaran di Universiti merupakan satu titik tolak kepada perkembangan pengetahuan serta kematangan pelajar siswazah sebelum beralih ke alam pekerjaan. Usaha-usaha untuk mempertingkatkan pengetahuan dan kecekapan pelajar siswazah sering dilakukan oleh Universiti agar pembangunan modal insan yang di hasilkan benar-benar berilmu serta berkualiti tinggi. Menurut Salleh Amat & Mohd Mokhtar (2008), konsep modal insan bukanlah sesuatu yang baru di Malaysia, ia telah diperkenalkan semenjak dahulu lagi di mana falsafah modal insan telah digunakan dalam pendidikan negara dan memberi penekanan peri-pentingnya melahirkan insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelektual.

Pembelajaran pelajar siswazah berasaskan projek perundingan Universiti merupakan salah satu bentuk pembelajaran untuk memberi pendedahan serta memberi gambaran kepada majikan bahawa pelajar dalam universiti penyelidikan seperti di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) akan melahirkan insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelektual. Melalui inisiatif sedemikian secara tersuratnya dapat mempertingkatkan nilai-nilai positif pelajar siswazah sebagai satu pembangunan modal insan. Para pelajar ini bertindak sebagai seorang perunding muda yang sentiasa berpengetahuan, berkemahiran serta memiliki keyakinan tinggi agar lebih berdaya saing dalam menghadapi cabaran pada masa-masa akan datang. Langkah ini juga seiring dengan pandangan Norizan et al. (2007), yang menekankan ilmu pengetahuan dan kepakaran yang tinggi bagi penyediaan guna tenaga dalam pelbagai jenis pekerjaan bagi pemerksaan modal insan di Malaysia.

Namun, timbul tanda tanya: i) Adakah pelajar siswazah yang dipilih sebagai perunding muda benar-benar dapat mengenalpasti permasalahan projek perundingan tersebut?, ii) Dapatkah pelajar siswazah tersebut menangani konflik dan debat secara serius yang dibincangkan dalam bengkel Perbincangan Kumpulan Terfokus (FGD) dan bersemuka dengan para jemputan yang terdiri daripada mereka yang berpengalaman luas dalam bidang masing-masing?, dan iii) Adakah pelajar siswazah tersebut dapat mempersembahkan cadangan kepada pihak organisasi yang dianggap sebagai *client* seperti yang diharapkan? Sehubungan itu, artikel ini membincangkan pengalaman pelajaran pelajar siswazah Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan (FSSK), dalam projek perundingan Universiti melalui penyediaan Pelan Tindakan Pelancongan Putrajaya.

### *Projek perundingan universiti-industri*

Pelancongan merupakan salah satu daripada sektor utama bagi memacu negara ke arah pencapaian negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Sehubungan itu, Putrajaya melalui Perbadanan Putrajaya sebagai pihak berkuasa tempatan telah menggariskan beberapa langkah dalam Rancangan Struktur Putrajaya agar kecemerlangan sektor pelancongan di Putrajaya dapat dikenalpasti dan seterusnya dipertingkatkan. Justeru, dalam Rancangan Struktur Putrajaya telah menggariskan misi dan visi pelancongan Putrajaya yang jelas iaitu: Polisi 2-ekonomi progresif dan pelbagai bagi memperkukuhkan pelancongan perniagaan, serta Polisi 3-memperkukuhkan pelancongan sebagai pemacu ekonomi Putrajaya dengan memperkenalkan lima pelan strategik iaitu: i) Memposisikan Putrajaya sebagai destinasi pelancongan regional dan antarabangsa mengikut segmen pelancong, ii) Menyediakan pelan tindakan pelancongan untuk Putrajaya, iii) Meningkatkan kemudahan sokongan pelancongan dan akhir sekali adalah iv) Menganjurkan acara dan aktiviti pelancongan yang pelbagai. Sehubungan itu, berasaskan impian Putrajaya melalui Perbadanan Putrajaya yang ingin memajukan sektor pelancongannya, telah memberi peluang dan pengalaman dalam pembelajaran pelajar siswazah berasaskan projek perundingan Universiti melalui penyediaan Pelan Tindakan Pelancongan Putrajaya.

### *Proses pengendalian bengkel permerkasaan*

Sebagai satu pendekatan inovatif, beberapa proses dan rangka perancangan kerja telah disediakan bagi membolehkan keterlibatan pihak pengendali dan pihak berkepentingan (stakeholders) pelancongan dalam penyediaan Pelan Tindakan Pelancongan Putrajaya. Justeru, bengkel FGD telah diadakan sebagai salah satu wahana penjana idea holistik bagi menyediakan Pelan Tindakan tersebut. Terdapat tiga objektif bengkel FGD iaitu: i) Menghayati keunikan dan tarikan Putrajaya sebagai Pusat Pentadbiran Persekutuan dan destinasi pelancongan, ii) Mengenalpasti isu, potensi dan cabaran pelancongan Putrajaya melalui Perbincangan Kumpulan Terfokus dan iii) Mengemukakan rangka kerja awal Pelan Tindakan Pelancongan Putrajaya (Jadual 1).

**Jadual 1. Aktiviti perbincangan kumpulan terfokus (fgd) bengkel pemerckasaan pelancongan Putrajaya**


Hari	Masa	Aktiviti Perbincangan
11 Julai 2012	8.30 mlm – 10.00 mlm	Keunikan dan Tarikan Putrajaya Isu dalam Pelancongan Putrajaya
12 Julai 2012	9.00 pg – 12.30 tgh	Potensi Pelancongan Putrajaya Cabaran Pemerckasaan Putrajaya Cadangan Kerangka Awal
13 Julai 2012	2.45 ptg – 4.30 ptg	Per murnian Perbincangan Kumpulan Persediaan Pembentangan, Penyediaan Slaid

Sehubungan itu, kumpulan FGD telah ditentukan berdasarkan komponen pembangunan pelancongan iaitu: i) Pembangunan Produk, ii) Pengangkutan dan Jaringan, iii) Ekonomi dan Sosial, iv) Pemasaran dan Promosi dan akhir sekali v) Pembangunan Pelancongan Lestari. Dalam memantap dan melancarkan lagi penghasilan Pelan Tindakan Pelancongan Putrajaya tersebut, proses Pelan Tindakan Pelancongan Putrajaya telah diwujudkan seperti dalam Rajah 1.

### *Pemerckasaan modal insan berasaskan projek rundingan*

Pemerckasaan modal insan melalui pembelajaran berasaskan projek perundingan adalah satu usaha untuk meningkatkan nilai positif pelajar sebagai seorang perunding muda supaya menjadi lebih berpengetahuan, berkemahiran serta memiliki sahsiah diri supaya lebih berdaya saing dalam menghadapi cabaran pada masa akan datang. Norizan et al. (2007) menjelaskan bahawa di Malaysia iaitu dalam konteks pendidikan, pembangunan modal insan adalah bertujuan untuk memastikan anak warga Malaysia mempunyai ilmu pengetahuan serta kepakaran yang tinggi bagi penyediaan guna tenaga dalam pelbagai jenis pekerjaan.

Malahan menurut Abdul Rahman Embong (2011), modal insan merupakan satu sumber daya manusia yang bukan sahaja dibezakan dari segi kuantiti dan fizikalnya, gender dan usinya tetapi yang amat penting ialah kapasiti yang ada pada dirinya. Menurut Abdul Rahman Embong (2011) lagi, sumber daya manusia akan terus kekal sebagai sumber sahaja tanpa menjadi modal yang boleh mengubah dan memajukan keadaan sekitarnya sekiranya ia tidak menerima input yang sesuai dan berkualiti yang boleh membangun serta menambah nilai kepada sumber tersebut. Di samping itu, istilah modal insan juga sering dikaitkan dengan kebolehan dan kemahiran manusia itu sendiri. Malahan modal insan juga pernah dirujuk sebagai buruh atau sumber manusia, iaitu satu daripada faktor pengeluaran yang terdiri daripada manusia (buruh), mesin dan modal. Justeru gabungan dengan aspek pendidikan dan latihan merupakan satu bentuk pelaburan yang amat penting serta dianggap sebagai elemen utama dalam modal insan kerana fitrah manusia tidak boleh dipisahkan daripada pengetahuan, kemahiran, kesihatan dan nilai-nilai yang mereka miliki (Mohd Safaai, 2007).



Rajah 1. Proses pelan tindakan pelancongan Putrajaya

Jika dilihat hubungan antara konsep modal insan dengan sistem pendidikan di Malaysia, Salleh Amat & Mohd Mokhtar (2008) menjelaskan bahawa konsep modal insan bukanlah sesuatu yang baru di Malaysia. Semenjak dahulu lagi falsafah modal insan telah digunakan dalam pendidikan negara di mana ia menekankan kepada peri-pentingnya melahirkan insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelektual. Sehubungan itu, sebagai seorang pelajar siswazah yang berpendidikan, ilmu yang dipelajari adalah bertujuan untuk membebaskan seseorang (pelajar tersebut) daripada kebodohan dan kegelapan, memberikan ilmu mengenai hidup, hal-ehwal duniawi dan juga ukhrawi, membina perspektif diri untuk melihat dan memahami sesuatu perkara, menganalisis serta membuat keputusan dengan bijak. Secara realiti sebagai seorang pelajar siswazah, modal insan adalah sebagai pengerak atau pemacu kepada pelajar dalam menempuh apa juga bidang yang ingin diceburi. Ia diperakui oleh Nurul Atirah Ramli & Muhammad Hussin (2012), menjelaskan bahawa pembangunan modal insan meliputi aspek yang berkaitan dengan pendidikan, latihan, pengalaman kerja, migrasi, maklumat pasaran buruh serta kesihatan. Tetapi, dari sudut ekonomi, aspek paling penting dalam pembangunan modal insan ialah proses pendidikan dan latihan yang dapat meningkatkan produktiviti pekerja. Sehubungan itu, dalam konteks pemeraksanaan modal insan terutamanya pelajar siswazah di Universiti, sudah tentu pembelajaran berasaskan projek perundingan dianggap sebagai salah satu teknik pengajaran dalam pembelajaran pelajar siswazah agar pelajar tersebut sentiasa bersedia dengan ilmu pengetahuan yang ada dan baru agar mewujudkan perkongsian ilmu sebenar di antara Universiti-Organisasi.

## Metodologi kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif iaitu dengan menggunakan kaedah temubual secara “structured interviewed” ke atas 10 responden pelajar siswazah yang terlibat dalam program Pemeraksanaan Pelancongan Putrajaya di Johor Bahru pada 10 hingga 13 Julai 2012. Aktiviti program tersebut dapat dilihat dalam Jadual 1. Sebanyak 10 soalan diajukan menerusi teknik “structured interviewed” lebih kepada pertanyaan secara “open-ended” dengan memberi tumpuan terhadap pandangan responden tentang pengalaman mereka sebagai perunding muda sepanjang menjalankan program Pemeraksanaan Pelancongan Putrajaya tersebut.

Soalan-soalan merangkumi perkara berikut i) persepsi anda sebelum dan selepas bengkel dijalankan, ii) apa perasaan anda pertama kali bertemu klien (Perbadanan Putrajaya dan peserta)?, iii) apakah faedah dan ilmu yang diperolehi dari bengkel tersebut?, iv) apakah perasaan ketika FGD berlangsung?, v) adakah terdapat konflik yang berlaku semasa FGD?, vi) bagaimana anda menangani konflik semasa FGD dijalankan?, vii) bagaimanakah situasi semasa menjadi pencatat dan pendengar semasa FGD?, viii) adakah anda rasa perlu pelajar terlibat sebagai perunding?, ix) adakah program ini meningkatkan tahap keyakinan anda dengan pihak luar (situasi sebenar)?, x) bagaimana pengalaman anda dalam proses membuat laporan selepas bengkel tersebut berlangsung? dan xi) ceritakan pengalaman keseluruhan sebagai reportuer semasa bengkel pemeraksanaan pelancongan Putrajaya. Kemudian data yang telah diperolehi, dianalisis menggunakan kaedah Nvivo. Melalui proses ini, data akan ditapis dan kemudiannya pembuangan bagi data yang tidak berkaitan dilakukan untuk memudahkan analisis kajian dijalankan.

## Dapatan kajian dan perbincangan

### *Demografi responden*

Berdasarkan analisis kajian, majoriti responden adalah perempuan (70%) dan diikuti oleh lelaki (30%). Dari segi komposisi umur, majoriti responden adalah berumur 20-25 tahun (50%) diikuti oleh peringkat umur 26-30 tahun (20%) dan 31-35 tahun (20%) dan seterusnya peringkat umur 35-40 tahun (10%). Manakala dari segi komposisi pendidikan pula, majoriti responden berpendidikan tahap Sarjana (50%), diikuti oleh Doktor Falsafah (PhD) (30%) dan seterusnya peringkat Ijazah Sarjana Muda (20%). Kebanyakan responden mempunyai pengkhususan dalam bidang Sains Pembangunan (70%) diikuti oleh bidang Sumber Manusia (20%) dan bidang Ekonomi (10%) di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) (80%) dan diikuti oleh Universiti Teknologi MARA (UiTM) (20%).

### *Perkongsian ilmu baru dan pengalaman sebenar*

Secara keseluruhannya, responden mengatakan pengalaman mereka dalam menjalankan bengkel tersebut adalah sangat menarik, memberi pengalaman yang berharga dan seterusnya dapat mempelajari ilmu dan perkara yang baru. Walaupun pada mulanya agak mencabar dan sukar, namun kerjasama yang diberikan antara responden, ahli kumpulan bengkel serta “co-conviner” telah dapat mengatasi masalah tersebut. Malahan, responden juga dapat memahami tugas sebenar sebagai perunding yang pada mulanya dianggap mudah namun hakikatnya adalah sukar dan sangat mencabar untuk dilakukan. Justeru, program ini adalah sebagai batu lonjakan kepada para pelajar dalam memajukan diri melalui penglibatan projek sebenar di samping memudahkan lagi untuk menceburi bidang akademik pada masa akan datang.

Melalui analisis yang dijalankan, semua responden telah mendapat pengalaman yang berharga daripada bengkel yang telah disertai. Mereka menyatakan bengkel ini telah mendedahkan cara berkomunikasi dan bersosial yang baik di samping dapat memupuk semangat berkerjasama dalam kumpulan dan dapat berkongsi pelbagai ilmu, idea serta pengalaman daripada peserta dan klien.

*“...Bengkel tersebut mendedahkan pelajar dengan situasi sebenar apabila bertemu dengan klien serta mendapat pengalaman yang cukup berharga sebagai salah seorang yang menjayakan bengkel tersebut...”*

*“...Menimba ilmu bagaimana cara untuk berkomunikasi dengan berkesan, menerima buah fikiran daripada pihak lain, cara berunding dengan badan-badan yang lain dan juga semangat profesionalisma yang tinggi ketika bekerja...”*

Pelbagai persepsi daripada responden mengenai pengalaman sebelum dan selepas bengkel dijalankan. Kebanyakan responden merasakan bahawa sebelum bengkel, ia adalah satu tugas yang sukar sebagai rapporteur tetapi berasa seronok dan bersyukur selepas mendapat tanggungjawab yang diberikan apabila bengkel tersebut berakhir.

Jika disentuh penglibatan pelajar sebagai perunding muda, hasil kajian mendapati majoriti responden iaitu sebanyak lapan orang bersetuju bahawa pelajar perlu terlibat sebagai perunding muda. Hal ini kerana pendedahan pelajar dalam bidang perundingan ini mampu memberi pengalaman bermakna kepada pelajar dengan dunia pekerjaan sebenar. Malah, responden juga dapat meningkatkan kemahiran berkomunikasi dan menjadi seorang perunding yang disegani. Namun, hanya dua orang responden mengatakan tidak perlu pelajar terlibat sebagai perunding muda. Mungkin ini akan mengganggu pelajaran mereka dan ia perlu bergantung kepada peluang yang ditawarkan kepada mereka.

Di samping itu, hasil kajian mendapati majoriti responden iaitu sebanyak sembilan orang bersetuju bahawa program ini telah meningkatkan tahap keyakinan mereka dengan pihak luar. Hal ini kerana, program ini turut berjaya meningkatkan keyakinan mereka untuk berkomunikasi dengan pengurusan tertinggi dan lebih bersikap profesional. Walau bagaimanapun, hanya seorang responden mengatakan program ini tidak memberi sebarang kesan terhadap keyakinan mereka untuk berdepan dengan pihak luar.

### *Menjadi perunding muda*

Hasil kajian mengenai penglibatan pelajar sebagai perunding muda menunjukkan kebanyakan responden yang terlibat dalam program ini merasa sangat berdebar-debar dan teruja sepanjang berlangsungnya FGD. Hal ini kerana, kebanyakan peserta yang hadir ke bengkel terbut bukanlah calang-calang orang sebaliknya merupakan orang yang banyak pengalaman dalam bidang tertentu. Setiap peserta mempunyai kebolehan berhujah dan mempertahankan idea masing-masing dalam berkongsi pandangan dan perbincangan yang dilakukan oleh setiap ahli kumpulan.

*“...Berdebar dan fokus. Saya juga berasa teruja dengan segala pandangan dan idea yang diberikan terutama jika terdapat perbezaan pendapat. Kebolehan para peserta mempertahankan idea masing-masing amat menarik. Perasaan berdebar bimbang ada isi yang tidak sempat dicatat juga ada...”*

*“...Ada. Di mana setiap ahli kumpulan dalam FGD tersebut cuba untuk mempertahankan idea masing-masing sehingga berlaku sedikit konflik dan pertengkaran antara mereka...”*

*“...Terdapat perbezaan pendapat di antara wakil-wakil jabatan yang dipanggil dalam pelbagai bidang...”*

Walaupun bagaimanapun, Majoriti responden menyatakan mereka agak sukar mengawal dan memainkan peranan menjadi pencatit dan pendengar dalam FGD. Hal ini kerana, setiap responden perlu menumpukan sepenuh perhatian bagi mendengar setiap butiran peserta dengan teliti.

*“...Menjadi pendengar dalam FGD juga agak sukar apabila ramai peserta bercakap pada satu masa yang sama. Kita perlu cekap mendengar point yang penting sahaja dan tidak lalai semasa mendengar dan mencatat...”*

*“...Mendengar dan mencatat setiap patah perkataan dari setiap peserta bukanlah satu kerja yang mudah untuk dilakukan. Perlunya strategi yang berkesan bagi mengelak seseorang rapporteur seperti saya gagal menjalankan tanggungjawab yang diberikan...”*

### *Pengalaman menangani konflik semasa perbincangan*

Dalam menangani konflik semasa perbincangan, hasil kajian mendapati kebanyakan responden tidak mengalami konflik sepanjang FGD berlangsung. Jika berlakunya juga, majoriti responden menyatakan tidak akan terlibat dalam menangani konflik. Hal ini kerana, setiap peserta dan “co-convenor” mengetahui peranan masing-masing dan kebanyakan konflik yang berlaku akan diatasi oleh “co-convenor” selaku pemimpin dalam kumpulan perbincangan tersebut.

*“...Saya sebagai rapporteur tidak mempunyai kuasa dalam menangani konflik tersebut. Tetapi hanya co-conviener yang perlu memainkan peranan dalam menangani konflik yang berlaku semasa FGD dijalankan...”*

*“...Konflik yang berlaku akan ditenangkan oleh Co-convenar...”*

*“...Sebagai seorang rapporteur hanya menjalankan kerja sebagai pelapor tidak lebih daripada itu, jadi konflik biarlah diselesaikan di antara peserta yang pakar dalam bidang masing-masing...”*

### *Pemerkasaan dalam menghasilkan outcome projek*

Pengalaman responden dalam proses membuat laporan selepas bengkel tersebut adalah sangat mengecewakan. Hasil kajian mendapati, kebanyakan responden mengatakan sangat sukar untuk membuat laporan kerana perlu mendengar dengan teliti setiap perbincangan dalam kumpulan terfokus tersebut. Malahan, majoriti responden tidak mempunyai pengalaman dalam menulis laporan dan ini merupakan pengalaman pertama mereka untuk menulis laporan. Oleh itu, kebanyakan responden mengatakan perlunya garis panduan atau format terperinci yang jelas dalam menulis laporan tersebut. Di samping itu, responden juga berasa tertekan dan berada dalam keadaan kalut apabila perlu menyiapkan laporan terperinci dalam masa yang singkat seperti yang disasarkan oleh “client”.

*“...Proses membuat laporan agak sukar apabila saya perlu mendengar semula semua rakaman suara semasa FGD berlangsung. Gambaran format laporan juga tidak diterangkan dengan jelas untuk memudahkan pelajar membuat laporan tersebut. Banyak perkara perlu dimasukkan dalam laporan tersebut yang menceritakan keseluruhan FGD...”*

*“...Pengalaman rapporteur, di mana terpaksa melawat tapak sekali lagi untuk mengambil gambar secara terperinci. Ini adalah disebabkan perbincangan dan pembentangan yang telah dilalui semasa bengkel dijalankan memberi output yang tidak terlintas sebelum ini untuk menambahbaikkan lagi laporan yang akan dibuat. Terpaksa melakukan laporan berkali-kali untuk dibetulkan bagi menjaga kualiti ...”*

*“...Pengalaman yang perlu diperbaiki agar tidak lagi berlaku pada masa akan datang...”*

### *Persemukaan dengan klien*

Hasil kajian mendapati kebanyakan responden sangat teruja apabila bertemu pertama kali dengan “client” dan para peserta kerana mereka adalah golongan yang sukar ditemui dan mempunyai banyak pengalaman dalam bidang masing-masing. Terdapat juga responden yang berasa takut dan berdebar-debar untuk bersemuka dengan klien dan peserta bengkel buat pertama kali.

*“...Sangat gembira kerana dapat berjumpa dengan orang-orang besar yang berpengalaman dalam pelbagai bidang..”*

Secara keseluruhannya, pembelajaran ini memberikan pendedahan langsung bagaimana konsultasi projek pelancongan dilakukan. Hasil pembelajaran semasa proses ini telah dapat mengajar erti kompeten seorang konsultan dan dari segi ilmu, pelancongan memerlukan modal insan yang menampakkan pandangan jauh daripada amalan pengurusan pelancongan biasa. Rajah 2 merumuskan hasil pembelajaran bagi tujuan membentuk modal insan yang dapat menawarkan konsultasi dalam bidang pelancongan.

*Perasaan saya pertama kali bertemu klien dan peserta pada mulanya agak takut untuk berkomunikasi dengan mereka disebabkan oleh status mereka yang pelbagai...”*

*“...Perasaan teruja dan agak berhati-hati memandangkan kebanyakan klien merupakan orang yang berpangkat tinggi dan berpengalaman luas dalam bidang masing-masing...”*


## **Kesimpulan**

Penglibatan pelajar sebagai perunding muda perlu digalakkan oleh setiap institut pengajian tinggi bagi memperkasakan modal insan. Pembelajaran berasaskan projek perundingan ini sangat bermanfaat untuk pelajar menghadapi situasi sebenar dalam kerjaya mereka. Majoriti pelajar yang terlibat mendapat pelbagai ilmu dan faedah yang berguna seperti cara berkomunikasi, meningkatkan keyakinan diri, semangat bekerjasama dan menambah ilmu dalam pelbagai bidang.

Kajian ini dapat dikembangkan dalam memperkasakan modal insan pelajar siswazah universiti melalui penglibatan sebagai perunding muda. Di samping itu, pelajar siswazah juga harus diberi pendedahan dan penjelasan terhadap projek sebenar yang dapat memberikan pengalaman dan keyakinan apabila berhadapan dengan situasi sebenar apabila berada di alam pekerjaan kelak. Oleh yang demikian, penggalakkan kerjasama di antara Universiti-Industri amat diperlukan dan harus di sambut baik oleh warga universiti dan organisasi agar pemerksaan modal insan melalui projek perundingan dapat diwujudkan dan seterusnya diperkasakan.

Justeru itu, projek perundingan diadakan sebagai salah satu pendekatan inovatif bagi membolehkan keterlibatan pihak “client”, pihak berkepentingan dan pelajar siswazah dalam meperkasakan modal insan sebagai satu wahana penjana idea holistik.





Rajah 2. Pendekatan pembelajaran berasaskan konsultasi pelancongan

## Rujukan

- Abdul Rahman Embong (2011) Pemerkasaan modal insan melalui pendidikan kearah pembangunan dan kesejahteraan serantau. Kertas kerja Simposium Kebudayaan Indonesia-Malaysia XII (SKIM XII). Anjuran Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universitas Padjadjaran (UNPAD) Bandung. Universiti Kebangsaan Malaysia, 29-30 November.
- Mohd Safaai Said (2007) Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) dan Pembangunan Modal Insan dalam Gerakan Koperasi di Malaysia. Dimensi KOOP. pp.16 - 20. Maktab Kerjasama Malaysia, Kuala Lumpur.
- Norizan Md Nor, Noriah Mohamed, Hasuria Che Omar, Ruslan Rainis (2007) Hala Tuju dan Masa Depan Pendidikan Tinggi di Malaysia. In: Zailan Moris (eds) *50 Tahun Pembangunan Pendidikan Tinggi di Malaysia*, pp. 159-194. Pulau Pinang. Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Nurul Athirah Ramli, Muhammad Hussin (2012) Pembangunan modal insan sebagai aspek penting dalam menjana pencapaian ekonomi negara. Kertas Kerja International Seminar Educational Comparative in

Competency Based Curriculum between Indonesia and Malaysia. Anjuran Himpunan Pengembang Kurikulum Indonesia, Indonesia University of Education. Bandung, 6-7 Jun.  
Salleh Amat, Mohd Mokhtar Hj Tahar (2008) Konsep dan penekanan aspek modal insane di sekolah: Satu refleksi dalam kalangan pelajar pengajian tinggi. *Prosiding Wacana Pendidikan Islam Peringkat Kebangsaan Siri ke-6*, pp.167-176.